

MUHAMMAD NAJIB BAPA JUMHURIYAH MESIR!

Sepuluh tahun lamanya Jeneral Muhammad Najib telah bekerja dalam rahsia bersama-sama sepuluh orang rakan sejawatnya dari pegawai-pegawai tentera Mesir. Akhirnya ia telah berjaya menggulingkan Faruq dan memansuhkan parti-parti politik yang kebanyakannya telah menjadi tali barut raja dan telah membiarkan kemerdekaan Mesir diperkotak-katikkan oleh Inggeris selama enam puluh tahun dengan tarian siyasahnya yang termasyhur licin seperti lumut.

Pada hari jumaat 18 Jun yang lalu terbentuklah jumburiyah atau republik Mesir dan tamatlah riwayat pemerintahan beraja yang telah berusia 5000 tahun semenjak pemerintahan firaun-firaun dahulu. Rakyat Mesir yang berjumlah dua puluh juta telah memilih pemimpin agung Jeneral Muhammad Najib menjadi presiden yang pertama bagi jumburiyah yang baharu itu.

(Oleh Ibnu Baṭūṭah)

Leftenan Kolonel Jamāl ‘Abd al-Nāṣir (tangan kanan Najib), Mejar Solah Salim, Mejar ‘Abd al-Hakīm ‘Amar dan Squadron Leader ‘Abd al-Laṭīf Baghdādī – rakan-rakan seperjuangan yang setia – telah terpilih di dalam jemaah menterinya.

Sudut Riwayat Hidupnya

Kisah perjuangan president Najib yang penuh dengan penderitaan dan semangat yang gagah berani, memang sedang dikumpulkan orang dan akan tersiar berjilid-jilid banyaknya.

Di bawah ini dipeturunkan catitan saudara kandungnya sendiri doktor “Maḥmud Najib” menggambarkan sahshiah Jeneral Najib dari dekat, dari sudut yang tidak diketahui oleh orang lain:

“Tatkala ayahku meninggal dunia di Sudan, Muhammad Najib saudara kandung saya yang tua telah menamatkan pelajarannya di Kolej Ghardon di Khartoum. Ibu kami menghendaki supaya Najib berpada dengan pelajaran menengahnya yang tersebut, tetapi ia telah berkeras hendak masuk belajar di kolej tentera di Kaherah, supaya ia dapat menjadi pegawai tentera sebagaimana ayah kami dahulu. Mendengarkan azamnya itu, ibu telah bertanya: “tetapi apa hal kita ketika engkau

tidak ada bersama, sedang engkau anak yang tua, dan engkau jua ketua keluarga, sesudah ayah engkau meninggal dunia?”

Kata-kata yang telah dibayangkan oleh ibu telah dijawab oleh abang saya:

“Ibu, janganlah menaruh runsing tentang itu, saya – Inshā’ Allāh – akan menunaikan kewajipan saya terhadap ibu dan sekalian saudara saya, baik saya hampir atau jauh daripada ibu”.

Muhammad Najib telah belayar terus ke Mesir lalu memasuki kolej tentera yang menjadi idamannya itu.

Meskipun demikian tetapi ia tidak lupakan kami, ia telah belajar dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya, dan setelah diketahui adiknya “Alī Najib” telah lulus dari Kolej Ghardon di Khartoum maka ia pun menjemputnya ke Kaherah lalu dimasukkan dia kolej tentera juga yang berakhir ‘Alī pula telah menjadi pegawai tentera seperti abang dan ayahnya dahulu.

Abang kami Muhammad Najib telah mendidik kami dengan bersungguh-sungguh, terutama dengan didikan agama. Ia bangun pada waktu fajar, lalu bang, kemudian ia mengejutkan kami satu, satu, supaya kami mengambil air sembahyang. Sungguh hebat balasan yang akan diterima oleh siapa-siapa sahaja di antara kami yang kelihatan malas atau enggan



President Muhammad Najib sedang berucap kepada penuntut-penuntut universiti Mesir, menerangkan azam kerajaannya hendak berjuang terus menerus menyusun semula masyarakatnya yang telah rosak dan menegakkan kedaulatan negerinya di mata dunia.

menunaikan fardu sembahyang. Ia akan menjatuhkan hukuman yang seberat-beranya, sehingga tiap-tiap seorang di antara kami sangat gerun kepadanya.

Sebagaimana ia menjatuhkan hukuman berat apabila kami membuat salah, maka ia juga menyediakan hadiah bagi kami apakala kami lulus dalam pelajaran. Pendeknya Muḥammad Najib adalah menjadi contoh tauladan yang baik bagi kami semenjak kami kecil dahulu. Tidak pernah ia menyebut kepada kami akan cacat cela orang lain, bahkan dalam masa lapangnya ia mengumpulkan kami lalu menceritakan berbagai-bagai perkara yang mengenai dunia dan agama. Ia adalah sebaik-baik penasihat kami, tenang dan berpuas hati dengan hujah, serta memberi didikan dengan nasihat dan pengajaran yang baik”.

Penutupnya doktor Maḥmūd Najīb berkata: “Saya berharap janganlah hendaknya setengah-setengah orang menuduh saya

menghampu atau bermuka-muka dengan saudara saya itu; kerana sekarang “Muḥammad Najīb” bukanlah saudara saya seorang sahaja bahkan ia telah menjadi saudara kepada sekalian rakyat Mesir. Menulis perihalnya adalah bererti mencatat sesudut sejarah Mesir, tanahair kita yang dikasihi.

Walaupun demikian, tetapi rasanya belum juga saya dapat menyatakan dengan sempurna akan jasa-jasa dan kelebihannya. Sebenarnya Muḥammad Najīb adalah mempunyai riwayat yang indah dalam masa kecilnya dan dalam masa mudanya, sebagaimana keindahan sifat-sifat gagah dan cintanya kepada tanahair dan kaum bangsanya.

“Saya terhutang budi kepadanya dengan sifatnya seorang saudara tua dan seorang bapa yang telah mendidik dan mengajar saya, sebagaimana juga saya terhutang budi kepadanya dengan sifat saya salah seorang bumiputera Mesir yang beriman dengan haknya di dalam kemuliaan dan kebebasan”.

Siaran Akhbar Dunia

Majalah “*Al-‘Alam*” keluaran Beirut pula menulis:

Pada masa yang lalu Muhammad Najīb tidak terkenal melainkan kepada rakan-rakan sejawatnya pegawai-pegawai dan tentera Mesir serta beberapa sahabat handainya yang pilihan, yang telah menumpahkan kasih sayang dan hormat kepadanya kerana sifat-sifat kebolehan, kebijaksanaan dan keharuman namanya.

Sekiranya dipandang kepada kumpulan gambar-gambarnya, nescaya tuan akan menjadi bingung kerana tuan tidak akan dapat menentukan dari golongan terpelajar yang manakah ia.

Kedua belah matanya yang memancarkan kecerdikan adalah membayangkan dia sebagai seorang ahli falsafah. Dalam gambar yang lain kelihatan dia sebagai seorang yang banyak berfikir, dalam gambar yang ketiga kelihatan dia ketawa dan riang dan di dalam gambar yang keempat kelihatan dia sugul dan berdukacita apakala dia terpandang penderitaan kaum bangsanya yang dikasihi.

Kadang-kadang tuan akan menyangka dia seorang ahli syair atau seorang penulis. Akan terbayang juga kepada tuan bahawa dia seorang guru di sebuah kolej, atau seorang ahli hikmah (pendeta yang bijak pandai) yang telah termasyhur dan dikenali oleh sejarah Islam pada masa yang lalau, tetapi telah dilupai oleh orang ramai pada hari ini.

Tetapi apabila tuan merenung kepada dahinya dan melihat tanda-tanda sifat bersungguh-sungguh, gagah dan bakat seorang pemimpin yang tertera di atas dua bibir dan air mukanya. Maka sudah tentu tuan akan mengambil kesimpulan dengan tidak bersalah lagi bahawa ia bukan sahaja seorang tentera biasa bahkan seorang tentera terpelajar, tinggi darjatnya, dan keturunan keluarga ahli perjuangan.

Rasanya sekarang tidak akan ada seorang pun di dunia ini – yang terhitung daripada pembaca-pembaca akhbar dan penonton-penonton sinema – yang tidak mengenal muka Jeneral Najīb, pahlawan

tanah air yang kebilangan. Berita-beritanya baik sahaja ketika terjadi pemberontakan atau kemudian daripada ia memegang pucuk pimpinan adalah mendapat tempat di muka hadapan sekali, bukan di akhbar-akhbar yang tersiar di alam Arab sahaja bahkan di akhbar-akhbar dunia amnya. Majalah-majalah besar yang luas siarannya di Eropah dan Amerika telah menghiasi muka hadapannya dengan gambar-gambarnya yang membayangkan sifat gagah dan azam yang teguh. Di antara majalah-majalah tersebut ialah “*Time*” (Amerika), “*Illustrated*” dan “*Picture Post*” (Inggeris), serta “*Pari Mach*” (Perancis) manakala beribu-ribu akhbar dalam kelima-lima benua telah menulis makalah-makalah menceritakan perihal Najīb dan perjuangannya yang cemerlang itu.

Rakyat Mesir telah menyebut perjuangan Najib dengan besar-besaran sebagai seorang “*juruselamat*” dan pemimpin agung yang dijunjung tinggi. Semua rakyat Mesir sedang bersatu padu menegakkan semula kebesaran Mesir yang telah diperjudikan oleh Farūq dan pembesar-pembesarnya, yang telah menindas rakyat dengan pahitnya.

Ulasan B.B.C. London

B.B.C. London telah menyiarkan dalam salah satu siarannya: “Tiap-tiap seorang rakyat Mesir kedatangan mencari akan seorang pahlawan yang gagah berani, yang sanggup menghancurkan punca-punca kerosakan masyarakat dan mengubati negara Mesir daripada penyakit yang berbahaya yang sedang menyimpannya. Lelaki yang mulia dan pahlawan yang gagah berani itu telah didapati di dalam sahsiah Jeneral Muhammad Najīb!

Seorang wartawan Perancis telah menggambarkan cara hidup Najīb yang bersahaja dan ala kadarnya itu: “Najīb tinggal di dalam sebuah rumah kampung dengan isteri dan tiga orang anaknya. Ia tidak mempunyai apa-apa hasil selain daripada gajinya. Tembakau paip yang dihisapnya ialah jenis “*Tuscaniny*” yang murah harganya. Manakala

motokar kecil yang digunakannya telah dibeli dengan jalan ansuran dan masih ia terhutang kepada syarikat itu”.

Pandangan Doktor Bench

Dalam masa menjawab pertanyaan seorang wartawan Mesir, Doktor Ralph Bench berkata: “dahulu saya hanya membaca berita-berita Najīb dari jauh, tetapi sekarang saya telah menyaksikan dengan mata kepala sendiri. Saya telah menyaksikan ikrar taat setia dan tempik sorak yang telah dicurahkan oleh rakyat Mesir kepada pahlawan, pemimpin dan pembebas mereka dari cengkaman kezaliman. Saya telah melihat perpaduan mereka mengelilinginya seperti sebuah kubu kebal. Sesungguhnya saya tidak pernah menyaksikan semangat dan kasih sayang yang sedemikian ini, dan penganjur yang terbesar sepertinya”.

“Bagaimana pandangan tuan kepada Najīb?”

“Kali yang pertama saya melihat Najīb ialah pada lima tahun yang lalu, dalam masa ia tercedera di medan perang Palestin, dan sekarang ini saya melihatnya di atas kemuncak kebesarannya. Dalam kedua-dua kalinya saya lihat dia kepalanya tegak dan tampan menarik. Sebenarnya ia seorang penganjur, seorang lelaki yang telah disimpan oleh takdir kerana kebesaran Mesir. Tetapi mengapa saya ditanya tentang sahsiah Jeneral Muḥammad Najīb? Bertanyalah tentang kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Najīb! Mutu dan penghargaan itu sayogianya diletakkan kepada kerja, bukan kepada batang tubuh; batang tubuh seseorang akan hilang lenyap tetapi kerjanya akan hidup berkekalan”.

“Itu memang pada tempatnya, sekarang bagaimana pandangan tuan terhadap kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Najīb?”

“Najīb telah melakukan mukjizat walaupun kita sekarang sedang berada dalam zaman yang tidak percayakan mukjizat!” kata doktor Ralph Bench dengan ringkas tetapi tepat!



Dengan suka ria dan gembira setelah menempa kejayaan yang cemerlang, Jeneral Muḥammad Najīb kelihatan berbual-bual dengan Sir Ralph Stevenson duta British di Mesir.

Darahnya Mengalir di Palestin

Pada 18 Januari 1952 ketika Farūq masih berkuasa, Ḥelmī Salām, wartawan Mesir yang banyak sekali menulis dari hal tentera Mesir dan perjuangan Najīb yang cemerlang di Palestin, telah menulis suatu ulasan yang cantik katanya:

“Kita kaum manusia biasanya akan mengalami kesukaran dan bersusah payah dalam masa mencari sahabat yang tulus ikhlas, dan manakala persahabatan itu telah terikat dengan teguhnya, maka kita akan menamakan dia “*sadāqat al-‘aysh wa al-malih*” (ini ialah bidalan Arab, maksudnya persahabatan yang telah mesra – semakan seminum, dan mengalami makan roti dan garam bersama – P).

“Tetapi Jeneral Muḥammad Najīb yang sedang menjadi buah mulut orang ramai semenjak ia dipilih menjadi yang dipertua “kelab pegawai-pegawai tentera” telah menamakan persahabatannya dengan setengah rakan-rakan sejawatnya: “*sadāqat al-‘aysh wa al-dam*” (persahabatan roti dan darah, maksudnya

persahabatan yang lebih mesra dan lebih teguh perpaduannya – P).

“Rasanya tuan tidak akan berasa pelik tentang nama yang sedemikian ini apabila tuan mengetahui bahawa darah “Muhammad Najīb” telah tiga kali mengalir di medan perang Palestin, dan bahawa sahabat-sahabatnya itu sedia memberikan darah mereka dan menyelamatkan nyawanya.

“Darah ini; darah “Muhammad Najīb”, telah menimbulkan kesulitan dan kerumitan yang banyak yang telah berbangkit di antara Jeneral “Fū’ād Ṣādiq” panglima agung tentera Mesir di Palestin dengan pucuk pimpinan tentera di Kaherah. Fū’ād Ṣādiq telah meminta supaya Muhammad Najīb pahlawan yang tercedera itu dinaikkan pangkatnya menjadi jeneral dengan sifat istimewa sebagai menghargai jasa-jasanya yang cemerlang di medan perang. Tetapi pihak pucuk pimpinan yang menduduki kerusi-kerusi lembut di Kaherah tidak merasa sebagaimana yang telah dirasa oleh Fū’ād Ṣādiq dan tidak melihat sebagaimana yang telah dilihatnya. Cadangannya itu telah ditolak dan Muhammad Najīb hanya telah dikurniakan “Bintang Emas Raja Fū’ād”. Inilah yang menjadikan Fū’ād Ṣādiq tidak berpuas hati dan semenjak itu perhubungannya dengan pihak atas telah bertambah keruh.

“Muhammad Najīb pahlawan yang sedang menjadi buah mulut orang ramai pada hari ini sedang berbelah-bahagi di antara dua belah lembah sungai Nil. Berbelah bahagi dengan sebenar-benarnya, kerana ayahnya orang Mesir dan ibunya dari Sudan. Inilah rahsia kasih sayangnya yang mendalam, terhadap Sudan dan orang-orang Sudan”

Masalah Sudan

Perkaitan Najīb dan kasih sayangnya sebagaimana yang disebutkan di atas inilah yang menjadikan masalah Sudan – semenjak Najīb berkuasa – segera mendapat penyelesaian, meskipun masalah ini pada masa yang lalu telah memeningkan kepala orang-orang Mesir, Sudan dan British. Najīb telah menerangkan dasarnya terhadap penduduk Sudan katanya:

sekiranya mereka hendak bersatu dengan kami maka kami sedia menanti dengan tangan terbuka, dan kalau mereka hendak berasing, maka itu terpulang kepada pilihan mereka sendiri!”

Perhubungan kedua buah negeri itu makin bertambah mesra apabila Najīb telah menghantarkan Mejar Ṣalāh Salim dan Faḍīlah al-Sheikh Aḥmad Ḥasan al-Bāqūrī (menteri waqaf) melawat Sudan dan meninjau fikiran penduduknya dari dekat.

Soal Tanah

Di antara usaha-usaha islahnya yang terpuji yang telah diselesaikan oleh Najīb bagi kebajikan rakyat Mesir yang menderita ialah masalah “menetapkan hak memiliki tanah” atau “*tajdid al-mulkiyyat al-zirā’iyah*”. Sebelum Najīb memegang tampuk pemerintahan, ladang-ladang Mesir yang kaya-raja dipegang oleh dua golongan; Farūq dan kaum kerabatnya dan golongan-golongan hartawan yang kebanyakan mereka mendirikan parti-parti politik dan pura-pura menjadi penganjur pembela rakyat. Tiap-tiap seorangnya kedapatan memiliki 10 ribu ekar, yang ada 15 ribu. Bahkan yang ada sampai 20 ribu ekar. Kaum tani Mesir yang boleh dikatakan hampir-hampir rata tidak mempunyai tanah langsung, hanya menjadi ibarat banduan atau kontrak yang bertungkus-lumus menanam dan mengalirkan emas ke saku tuan-tuan tanah tersebut.

Semua tanah-tanah itu telah dirampas oleh Najīb untuk dijual kepada kaum tani dengan jalan ansuran. Hartawan-hartawan yang sekian lamanya membolot tanah-tanah yang beribu-ribu ekar luasnya; sekarang mereka hanya dibenarkan tiap-tiap seorang mempunyai 200 ekar sahaja.

Masih Banyak Ranjau

Walaupun demikian banyaknya kejayaan yang cemerlang yang telah didapati oleh Najīb tetapi ia masih berjuang terus menyusun semula masyarakatnya yang telah rosak dan membersihkan tanahairnya dari sebarang kuasa asing yang dipandangnyanya menyentuh kehormatan dan kedaulatan bangsanya. Dalam salah satu

ucapannya yang bersemangat, Najīb berkata:

“Tidaklah saya hendak berkata kepada tuan-tuan bahawa jalan yang kami akan tempuh terhampar dengan bunga-bunga yang semerbak harum. Jalan itu yang sebenarnya terlalu panjang dan penuh dengan ranjau, yang berkehendak kepada tenaga dan perjuangan yang besar, tetapi dengan kurnia Allah Yang Maha Kuasa, yang memberkati iman dan perpaduan kami, lambat sangat kami akan berjaya juga!”

Iman Najīb yang mendalam inilah yang telah membuahkan kejayaan yang cemerlang, dan tulus ikhlasnya kepada bangsa dan tanahairnya itulah pula yang telah menawan kasih-sayang dan sokongan penuh dari segenap rakyat jelata. Tidakkah ia tulus ikhlas tatkala gajinya sebagai seorang presiden, negara yang berjumlah 6,000 paun setahun telah didermakan separuhnya kepada kebajikan negara selama dia memegang jawatan itu, berbanding dengan Faruq yang telah membocorkan khazanah negara dengan gajinya dan pencen kaum kerabatnya yang berjumlah dua ratus ribu paun setahun?

*Subḥanaka Allahumma Mālik al-Mulk, tu'ī al-Mulk
Man Tashā', wa Tanzi'u al-Mulk mimman Tashā' !!*

Bacalah!

Baharu terbit!

WAKIL RAKYAT DALAM ISLAM

Oleh al-'Alāmah al-Sayyid

Muḥammad Rashīd Riḍā

Dimelayukan oleh

Ja'far al-bār dan Abdullāh Basmeh

Siapa dia “*Ūlī al-Amr*” atau “wakil rakyat dalam Islam”

adalah dibentangkan dengan sejelas-jelasnya di dalam buku ini.

Senaskhah 70 sen.

Pos 8 sen.

Pintalah kepada penerbitnya

Qalam Singapura.

KATA-KATA NAJIB!

- * Tidak ada sesuatu kepada saya untuk negara
Mesir selain daripada suatu cogan sahaja:
Bersatu, berdisiplin dan bekerja!
- * Pergerakan yang telah dilaksanakan oleh tentera
adalah pergerakan pahlawan-pahlawan tanah air
kerana kebajikan negara. Angkatan tentera
ialah dari rakyat yang merasa dan mengalami
sebagaimana yang dirasa dan dialami oleh
rakyat!
- * Zaman golongan yang bermaharajalela, memperhamba
dan membolot kekayaan negara telah
terhapus. Maka sambutlah berita gembira;
bahawa hari yang bersempena baik, yang membawa
kebahagiaan, sedang menunggu tuan-tuan, dengan
itu hati kecil saya yang telah mengarahkan
dirinya kerana khidmat tuan-tuan, akan
merasa, tenang dan puas!
- * Biarlah kita lupakan zaman yang telah lalu
dengan kecemarannya yang banyak itu, supaya
kita dapat membina zaman akan datang di atas
asas-asas yang baharu lagi kukuh!
- * Kemenangan itu tertentu bagi pihak yang benar,
bukan bagi pihak yang terbanyak. Kemenangan
itu tertentu bagi orang-orang yang berjiwa
merdeka, bukan bagi golongan
yang bermaharajalela dan berkuasa penuh!
- * Barangsiapa bekerja kerana kepentingan
dirinya akan dibenci orang, dan
barangsiapa bekerja kerana Allah akan
dikasihi ramai!!